

09 OCT 1997

BROSUR MENGENAI MSC UNTUK ORANG BIASA DILANCAR SABTU INI

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Siri brosur mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk orang biasa akan diedarkan tahun ini bermula dengan versi pertama dalam Bahasa Malaysia yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini.

Majlis pelancaran itu akan diadakan bersempena kempen Teknologi Maklumat (IT) peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Penerangan, kata Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dalam kenyataan di sini hari ini.

"Brosur pertama bertajuk "MSC dan Anda" mempunyai skop dan pendekatan yang luas. Ia memberi penerangan dan pandangan menyeluruh mengenai subjek terbabit dan sasarannya pembaca biasa," katanya.

MDC akan menerbitkan sebanyak 5,000 brosur, masing-masing dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil yang akan diedarkan ke institusi pendidikan, pusat masyarakat dan pelbagai persatuan awam.

Katanya, brosur itu berperanan memberi kefahaman mengenai konsep, kesan dan faedah multimedia selain menimbulkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya MSC dalam membangunkan ekonomi Malaysia.

Versi dalam Bahasa Melayu itu ditaja oleh AIMS Worldwide Sdn Bhd, Ericsson and Alam Teknokrat Sdn Bhd.

MSC terletak di zon seluas 15 kali 50 kilometer yang memanjang dari Kuala Lumpur City Centre ke Selatan sehingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang termasuk pusat pentadbiran baru Putrajaya dan bandar raya pintar Cyberjaya. Ia berfungsi sebagai kawasan khas untuk syarikat dalam membangunkan dan menggunakan teknologi multimedia terkini. -- BERNAMA

HJ RHM